

# Pesta silat antara 3 negara mungkin diadakan

— Haji Ya'acob

Oleh SALMA SEMONO

**M**ENTERI Negara (Pejabat Perdana Menteri), Haji Ya'acob Mohamed berkata bahawa satu pesta silat tiga negara — Singapura, Malaysia dan Indonesia — mungkin akan diadakan di sini.

Pesta silat tiga negara itu merupakan salah satu projek yang akan dijalankan oleh Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) yang diistiharkan penubuhannya malam tadi. 19 AUG 1976

Haji Ya'acob yang menjadi presiden Persisi mengumumkan demikian di majlis perasmian itu di Panggung Negara yang diadakan sempena Pesta Silat Singapura, menjejaskan:

## 3 asas

"Persisi mungkin akan menganjurkan Pesta Silat tiga negara iaitu antara Malaysia, Indonesia dan Singapura, jika ada penaja untuk membantu masaalah kewangan."

Beliau menerangkan bahawa Pesta Silat Singapura itu diadakan dengan tiga tujuan utama. Pertama ialah untuk mengistiharkan penubuhan Persisi, kedua merayakan Hari Kebangsaan dan ketiga ia merupakan sumbangan Persisi untuk menjayakan Pesta Sukan yang sedang berlangsung sekarang.

Mengenai Persisi, beliau menjelaskan bahawa pergerakannya akan dijalankan berpandukan tiga asas utama iaitu:

- Meningkatkan taraf seni silat di Republik ini dengan mengaturkan dan menganjurkan peraduan-peraduan demi faedah ahli-ahlinya.

- Menyatukan dan menyalurkan kegiatan-kegiatan silat di Republik ini; dan

- Mengaturkan dan menganjurkan demonstrasi silat dan peraduan-peraduan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Di samping itu, tambahnya, Persisi berazam seberapa daya untuk menggali dan mencungkil kembali segala jenis silat yang telah dilupai ataupun yang masih diabaikan tetapi tidak diketengahkan kepada masyarakat.

Persisi juga, tambah beliau, akan berusaha menganjurkan seminar dan mengadakan pengkajian mengenai seni silat dengan tujuan untuk menggalakkan orang-orang muda di sini kenal dan mengamalkan budaya warisan mereka.

Mengenai penyertaannya dalam Pesta Sukan Singapura, Haji Ya'acob menjelaskan bahawa inilah pertama kali seni silat dimasukkan dalam acara Pesta Sukan.

"Ini disebabkan Majlis Sukan Singapura kini menganggap seni silat bukan saja sebagai satu seni mempertahankan diri tetapi juga sebagai salah satu jenis sukan yang dapat digunakan untuk membina jasmani para belia di sini, sama seperti judo, tae kwon-do dan lain-lain sukan."

"Ini semua dijalankan juga dengan tujuan untuk membina sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bertanggungjawab dalam pembangunan negara," katanya.

## 42 peserta

Haji Ya'acob juga menerangkan bahawa Pesta Silat itu diadakan bukan dengan tujuan menggalakkan para peserta menunjukkan kehandalan dan kemenangan tetapi semata-mata berdasarkan usaha menghidupkan semula dan mempopularkan budaya lama. 19 AUG 1976

Olehsebab itu, persembahan-persembahan yang dibuat di pesta itu tidak berasaskan peraduan dan piala-piala sampingan diberikan semata-mata kerana menghargai persembahan yang baik.

Di antara jenis-jenis silat yang dipersembahkan dalam pesta itu termasuklah silat gayung, macan pasrah, kuntau melaka, seligi tunggal, kuning dan silat sunda serta Al-Haq seni silat Harimau Malaysia.

Ahli-ahli Persisi yang menjayakan pesta itu ialah Perpensi, Perwanit, Pasak, Pertapis, Himpunan Queenstown, Badan Kesenian Melayu dan Persatuan Bawean Singapura. Kesemuanya ada 42 orang peserta dari persatuan-persatuan itu.

Pesta tersebut dirasmikan pembukaannya oleh Menteri Sains dan Teknologi, Dr. Lee Chiaw Meng yang juga menyampaikan panji-panji Persisi kepada Haji Ya'acob sebagai menandakan perasmian penubuhan Persisi.

## Jangan salahguna seni pertahanan diri: Dr Lee

**M**ENTERI Sains dan Teknologi, Dr. Lee Chiaw Meng malam tadi berkata bahawa setiap individu di sini bukan saja perlu mempunyai tubuh yang sihat tetapi yang lebih penting ialah fikiran yang berdisiplin.

Olehsebab itu, mereka diingatkan bahawa satu-satu seni mempertahankan diri yang dipelajari itu bukan untuk disalahgunakan, sebaliknya sebagai persiapan diri sendiri.

Dr. Lee berkata demikian ketika berucap merasmikan Pesta Silat Singapura anjuran Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) di Panggung Negara. "Seperti lain-lain sukan, seni silat adalah sejenis senaman untuk kesihatan badan dan untuk membina fikiran yang berdisiplin."

"Seperti sebuah negara yang perlukan pasukan pertahanan untuk menjaga keamanannya, seni mempertahankan diri ini juga hendaklah digunakan untuk melindungi diri dan jangan sampai disalahgunakan."

"Setiap individu di negara ini bukan saja diperlukan mengadakan badan yang sihat tetapi juga hendaklah mempunyai fikiran yang berdisiplin," katanya.

Dr. Lee juga menerangkan bahawa seni mempertahankan diri ini kini semakin popular di kalangan pendudukan muda dan diajarkan bukan saja di balai-balai rakyat, pertubuhan-pertubuhan malah di sekolah-sekolah.

Pemerintah juga, katanya, telah mengadakan Akta Seni Mempertahankan diri dengan tujuan untuk menggalakkan penyalahgunaan pelajaran itu.

Dr. Lee kemudian menyampaikan panji-panji Persisi sebagai tanda pengistiharan penubuhan persekutuan itu kepada presidennya, Haji Ya'acob Mohamed, Menteri Negara (Pejabat Perdana Menteri).

## Kesalahan 20 AUG 1976 yang tidak disengajakan

KETIKA berucap merasmikan Pesta Silat Singapura di Panggung Negara semalam malam, Menteri Sains dan Teknologi, Dr. Lee Chiaw Meng antara lain dilaporkan berkata:

"Pemerintah juga telah mengadakan Akta Seni Mempertahankan diri dengan tujuan untuk menggalakkan penyalahgunaan pelajaran itu."

Tetapi apa yang sebenarnya diucapkan oleh Dr. Lee ialah: "Pemerintah juga telah mengadakan Akta Seni Mempertahankan Diri dengan tujuan untuk mengelakkan penyalahgunaan pelajaran itu."

Kesalahan itu tidak disengajakan dan kami memohon maaf.